



# Berita UniMAP

## BERSEDIA HADAPI CABARAN



**Kolej** Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia mesti bersedia mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran masa hadapan apabila ia bakal menukar namanya ke Universiti Malaysia Perlis pada 1 Febuari ini.

Menurut Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail berkata, universiti ini tidak hanya menghadapi cabaran daripada universiti awam malah turut menghadapi persaingan dengan universiti swasta yang ada di Malaysia.

Menurut Raja Muda Perlis ini lagi, UniMAP mesti menggunakan pendekatan yang berbeza dan menawarkan lebih banyak kursus yang menarik minat para pelajar untuk memilih universiti ini.

Kursus yang ditawarkan oleh UniMAP mestilah kursus yang kos pengajiannya yang berpatutan dan mampu dibiayai oleh

pelajar yang memilih universiti ini. Universiti juga tidak boleh bergantung kepada kerajaan dalam urusan kewangannya, titahnya dalam ucapan sempena Majlis Makan Malam bersama pegawai-pegawai UniMAP yang diadakan di Golf Club, Batu Pahat, Perlis pada 16 Januari 2007 anjuran universiti itu.

Turut berangkat hadir ialah Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil dan NC UniMAP iaitu Kol. Dato' Dr. Kamarudin Hussin.

Tuanku Syed Faizuddin berkata, UniMAP mesti menjadi sebuah universiti yang mampu berdaya saing dan mengendalikan kajian yang penting yang mampu menjulang nama dan meletakkan universiti ini dikalangan universiti bertaraf dunia.

Katanya lagi, Universiti yang berjaya adalah universiti yang mempunyai kebolehan untuk menerima senario perubahan yang berlaku dalam global dewasa ini.

Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dalam ucapannya menyebut, UniMAP mesti membina satu jaringan kerja yang kuat dan para pekerja mestilah bersatu hati dan berkongsi visi dan misi yang ditetapkan oleh universiti.

Katanya lagi, dengan semangat berkerjasama yang ditunjukkan oleh para pekerja akan membantu unuversiti untuk mencapai objektifnya iaitu menjadi salah sebuah universiti yang terbaik di dunia.